

# Nasihat PM pada muka lama yang digugur

UM 11 NOV 1999

**K**UALA LUMPUR 10 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan muka-muka lama yang berkemungkinan digugurkan daripada menjadi calon dalam pilihan raya umum ini supaya terus bekerja kuat membantu calon baru.

“Muka lama yang tidak dicalonkan harus ingat bahawa banyak orang bekerja untuk mereka semasa menjadi calon dulu.

“Kali ini, jika tidak dicalonkan, mereka (muka lama) harus bekerja juga membantu muka baru kerana calon baru telah bekerja kuat untuk mereka,” kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya nasihat beliau kepada

muka-muka lama yang berkemungkinan digugurkan.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan semua pemimpin 14 parti komponen BN dan ketua-ketua perhubungan UM-NO negeri-negeri yang akan mengemukakan senarai calon-calon mereka.

Ditanya sama ada akan ada perubahan dari segi pembahagian kerusi, Dr. Mahathir berkata, tidak akan ada perubahan melainkan jika terdesak.

Mengenai tempoh yang diberikan bagi semua parti komponen mengemukakan senarai calon mereka, beliau berkata, ia akan dilakukan dengan segera tetapi pengumuman tidak akan dibuat sehinggalah pada hari penamaan calon kelak.

Dr. Mahathir memberitahu, Mesyuarat Majlis

Tertinggi BN itu juga mencapai kata sepakat untuk bertanding dalam pilihan raya umum ini sebagai Barisan Nasional menggunakan sepanduk, bendera dan simbol BN.

“Parti-parti komponen juga bersetuju untuk memberi sokongan kepada siapa juga yang dipilih sebagai calon dan bertanggungjawab memberi sokongan kepadanya,” ujar beliau.

## Manifesto

Katanya, mesyuarat juga bersetuju mengadakan manifesto tambahan untuk Sabah dan Sarawak yang akan menjaga kepentingan-kepentingan tempatan yang tidak bercanggah dengan manifesto utama BN.

Ditanya mengenai isu yang akan diketengahkan oleh BN dalam kempen pilihan raya ini, Dr. Ma-

hathir berkata, BN tidak menggunakan pendekatan tersebut sebaliknya akan menumpukan kepada aspek pencapaian dan sumbangan kerajaan terhadap pembangunan negara selama ini.

“Saya menasihatkan semua parti komponen BN supaya menumpukan perhatian untuk memenangi pilihan raya dengan majoriti dua pertiga.

“Penggunaan isu-isu hanyalah untuk orang yang bankrap kerana pembangkang tidak ada yang hendak dibuktikan dari segi sumbangan kepada negara,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, BN tahu pembangkang akan menggunakan pendekatan isu-isu sebagai bahan kempen dan memburuk-burukkan kerajaan tetapi perkara ini boleh ditangani oleh BN.

“Kita mahu menubuh-

kan kerajaan yang baik untuk semua orang, bukan hendak mendapatkan pengampunan untuk seseorang. Bukan berjuang untuk individu tertentu, misalnya berjuang untuk Dr. Mahathir,” kata beliau.

Ditanya mengenai tindakan Pas hendak mengadakan manifesto berasingan di negeri-negeri sedangkan sudah bersetuju dengan manifesto Barisan Pembangkang, Dr. Mahathir berkata, perkara itu memang sudah dijangkakan.

“Pas akan bercakap menggunakan bahasa Melayu bila bercakap dengan orang Melayu tetapi berbahasa lain bila dengan DAP. Pas adalah sosialis kepada parti sosialis dan sebagai Muslim kepada orang Melayu. Itu kita jangkakan,” ujarnya.